

PRN JOHOR: ANTARA KESINAMBUNGAN KESTABILAN DEMOKRASI DAN KESELAMATAN RAKYAT

Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has changed Malaysia's society, economy and politics over the past two years. However, due to the practice of electoral democracy consistency, five by-elections were held throughout the pandemic. Despite the existence of dilemma and paradox between democracy and the individual security, a series of by elections were conducted in a safe environment due to the feedback from the stakeholders and the ongoing efforts of the Malaysia Election Commission. Therefore, this article will discuss the continuity of a stable democracy is maintained in addition to the need to safeguard the health of the people which is the foundation of the practice of democracy itself. The standard operating procedures adopted enable the safe conduct of elections. This article argues that the continuity of democratic stability and the security of the people to be the mantra in the search for party political stability.

Keywords: *Election; Public Health; Internal Security; Politics*

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah merubah sosial, ekonomi dan politik Malaysia sejak dua tahun yang lalu. Namun begitu, atas sebab amalan demokrasi pilihan raya yang konsisten, maka lima pilihan raya kecil telah dijalankan sepanjang pandemik berlaku. Walaupun wujud dilema dan paradoks antara demokrasi dan keselamatan diri, namun atas maklum balas pihak berkepentingan dan usaha berterusan Suruhanjaya Pilihan Raya, beberapa siri pilihan raya kecil telah dijalankan dalam keadaan yang selamat. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan kesinambungan demokrasi yang stabil dipertahankan di samping keperluan menjaga keselamatan kesihatan rakyat yang menjadi tunjang pada amalan demokrasi itu sendiri. Prosedur operasi standard yang diguna pakai membolehkan perjalanan pilihan raya yang selamat. Artikel ini menghujahkan kesinambungan kestabilan demokrasi dan keselamatan rakyat terus menjadi mantra dalam pencarian kestabilan politik kepartian.

Kata Kunci: *Pilihan Raya, Kesihatan Awam, Keselamatan Dalam Negeri, Politik*

PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 yang bermula pada Mac 2020 tidak menampakkan tanda-tanda akan berakhir, walaupun setelah melepas lebih daripada dua tahun. Berdasarkan statistik terkini, jumlah yang dijangkiti COVID-19 meningkat ke puluhan ribu kes harian walaupun majoritinya adalah dari kategori 1 dan kategori 2. Malah menurut pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr Noor Hisham kadar kebolehjangkitan (Rt) negara telah mencatatkan kenaikan iaitu Labuan merekodkan Rt tertinggi iaitu sebanyak 1.94, diikuti Sarawak dan Sabah (masing-masing 1.56) serta negeri Pulau Pinang (1.43) (Rahmi Jumriati Jono, 2022). Berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh pihak kementerian, kebanyakan kes yang berlaku adalah disebabkan ketidakpatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang menjadi punca utama kenaikan kes secara mendadak sejak kebelakangan ini.

Walaupun kes COVID-19 memperlihatkan peningkatan, namun atas faktor amalan demokrasi yang konsisten serta tidak bercanggah dengan peruntukan perlombagaan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), telah menetapkan

tanggal 12 Mac 2022 sebagai tarikh pengundian bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor dibubarkan setelah mendapat perkenan daripada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada 22 Januari 2022 yang lalu. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, pilihan raya adalah disifatkan sebagai jalan yang terbaik bagi mendapat mandat dari rakyat secara mutlak seterusnya merungkai segala permasalahan yang timbul (Abdul Rashid Moten, 2021.; Roskin et al., 2017).

PRN Johor yang berlangsung pada 12 Mac 2022 merupakan rentetan pilihan raya yang berlangsung semasa pandemik. Ia dimulai dengan Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini di Pahang pada 4 Julai 2020 diikuti PRK Slim di Perak pada 29 Ogos 2020. Kemudian di susuli pula dengan PRN Sabah pada 26 September 2020, PRN Melaka pada 20 November 2021, dan PRN Sarawak pada 18 Disember 2021. Kesemua pilihan raya yang diadakan di atas, SPR telah menggariskan SOP yang agak ketat agar penularan COVID-19 dapat dikawal. Namun begitu, pada PRN Johor yang berlangsung pada 12 Mac, SOP tersebut telah dilonggarkan.

Antara kelonggaran SOP yang dibenarkan di PRN Johor adalah seperti kebenaran penganjuran ceramah, syarahan dan kempen secara fizikal dan ziarah rumah ke rumah sepanjang 14 hari tempoh berkempen. Walau bagaimanapun, kebenaran ceramah dan kempen ini hanya dibenarkan di pejabat parti dan bilik gerakan parti dengan kehadiran tidak melebihi 100 orang. Berdasarkan kepada kelonggaran SOP yang dikeluarkan SPR ini, dapat disimpulkan bahawa SPR telah melakukan inisiatif dan kemudahan yang terbaik bagi setiap parti yang bertanding malah juga kepada pengundi-pengundi di samping terus menjaga keselamatan kesihatan di PRN Johor. Ia secara tidak langsung memperlihatkan SPR sentiasa memastikan ketulusan, kesihihan dan amalan demokrasi berpatisipasi di Malaysia terus cakna dan subur (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2019).

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan kesinambungan demokrasi yang stabil dipertahankan di samping keperluan menjaga keselamatan kesihatan rakyat yang menjadi tunjang pada amalan demokrasi itu sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini menyasarkan dua objektif untuk dipenuhi, iaitu:

- a) Mengenal pasti amalan demokrasi semasa pandemik di Malaysia.
- b) Membincangkan persoalan keselamatan negara dalam waktu pandemik COVID-19.

SOROTAN LITERATUR

Amalan demokrasi di Malaysia boleh dibanggakan sehingga menjadi rujukan negara luar. Malaysia telah berjaya mengharungi 14 Pilihan Raya Umum (PRU) bermula pada tahun 1955. Barisan Nasional (BN) telah memenangi 13 kali PRU sebelum tewas pada PRU ke-14 pada Mei 2018 yang lalu kepada Pakatan Harapan (PH). Namun, setelah tiga tahun berlalu, kestabilan yang dicari masih belum ditemui oleh elit politik dan ini telah mengakibatkan situasi politik tidak menentu di Malaysia. Ketidaktentuan ini telah memberi impak yang negatif terhadap perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ia diparahkan lagi dengan penularan kes COVID-19 sehingga diisyiharkan sebagai pandemik global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang memaksa perintah kawalan pergerakan dan juga proklamasikan darurat diisyiharkan. Menariknya, kondisi politik Malaysia semakin dinamik walaupun dalam keadaan darurat kesihatan. Ia dibuktikan dengan PRN yang berlaku di Sabah, Melaka dan Sarawak yang tetap dilangsungkan dalam waktu pandemik COVID-19 namun tidak menampakkan ciri-ciri penurunan. Keputusan SPR membentarkan satu lagi pilihan raya pada Mac 2022 di Johor membuktikan pencarian kestabilan politik diteruskan walau ketidakstabilan keselamatan kesihatan masih berlaku.

Pilihan raya di Malaysia boleh dianggap sebagai kemuncak amalan demokrasi sebagaimana yang dinyatakan oleh Morgenbesser dan Pepinsky (2019). Ia juga kelihatan sebagai medan perang bagi kesemua parti yang bertanding (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2020). Dalam pada itu, penyertaan rakyat dalam pilihan raya dilihat semakin baik dan memberangsangkan dengan melebihi 80 peratus pengundi yang membuang undi. Namun terdapat juga kebimbangan terhadap penyertaan pengundi muda dalam partisipasi formal (Mohamad et al., 2018; Mohd Azmir Mohd Nizah & Sharif, 2019). Walaupun begitu, pilihan raya tetap menjadi antara ukuran demokrasi di Malaysia, dan menjadi medan pertembungan idea, perancangan

strategik dan dinamik parti-parti dan manifesto parti politik dalam mendapatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi kerajaan semasa.

Berasaskan “*Single Member Constituencies Plurality System*” dengan amalan majoriti mudah atau “*First Past the Post*” di mana pemenang adalah dipilih berdasarkan jumlah undi tertinggi yang dimiliki bagi setiap calon yang bertanding dalam kawasan pilihan raya, tanpa melihat kepada jumlah pengundi, atau dikenali sebagai undi popular. Inilah sistem yang diguna pakai sejak PRU yang pertama pada 1955 sehingga sekarang. Walaupun ia bukanlah sebuah sistem pemilihan wakil rakyat yang komprehensif, namun dalam konteks Malaysia ia memberi kesan yang baik terhadap pembentukan perpaduan masyarakat yang pelbagai. Ia juga memberikan kelebihan kestabilan politik yang tidak berasaskan jumlah pengundi semata-mata.

Namun begitu, daripada perspektif manipulasi elit politik, sistem pilihan raya Malaysia telah menjadi alat atau medium bagi mendapatkan kuasa secara berperaturan, tetapi tidak sesuai secara etikanya. Ia tidak dapat dibendung apabila tragedi PRN Sabah terpaksa diadakan akibat perubahan dan penajaran politik sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor (2021) bahawa politik adalah antara risiko ancaman terhadap keselamatan. Amat malang, apabila PRN tersebut terpaksa diadakan ketika pandemik COVID-19 masih lagi menjadi igauan dan vaksin masih belum ditemukan (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020a; Nor, 2021). Natijahnya, keselamatan negara akibat pandemik semakin terancam dengan peningkatan kes pasca PRN sehingga memaksa Malaysia diletakkan di bawah perintah darurat kesihatan. Oleh yang demikian, praktik politik terlalu bertumpu kuasa dilihat boleh mengakibatkan keselamatan negara terancam. Oleh yang demikian, perlu adanya kesedaran dalam kalangan elit politik serta marhaen akan kepercayaan kesihatan yang boleh membantu dalam mendepani elit politik dahaga kuasa ini.

Oleh yang demikian, artikel ini membincangkan kesinambungan demokrasi pilihan raya yang berterusan diamalkan dan diperjuangkan, walaupun dalam keadaan yang boleh mengancam keselamatan individu maupun masyarakat secara amnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisis dokumen dan pungutan maklumat pemerhatian sepanjang PRN Johor berlangsung daripada 26 Februari 2022 hingga 11 Mac 2022. Analisa dokumen adalah berdasarkan rujukan terhadap Prosedur Operasi Standard Majlis Keselamatan Negara, dan SPR. Maklumat pemerhatian pula berdasarkan laporan pemerhatian penulis sepanjang kempen pilihan raya berlangsung.

Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat perbandingan di antara prosedur yang telah dikeluarkan, dan pengamatan pematuhan prosedur oleh elit politik. Dengan cara tersebut, kesedaran keselamatan diri dan negara dapat dipastikan dan kesinambungan kestabilan politik dapat dinilai.

PERBINCANGAN

Melihat kepada tren pilihan raya di seluruh dunia, terdapat negara-negara yang meneruskan pilihan raya dan begitu juga sebaliknya sewaktu pandemik COVID-19 yang masih mengancam kehidupan manusia, walaupun tidak berbahaya di waktu tiada vaksin yang ditemukan. Dengan kadar jumlah pengundi yang rendah, kondisi kempen yang tidak seimbang dan jumlah pemerhati dari dalam dan luar yang terhad dapat menjamin fundamental dan legitimasi demokrasi terus di pertahankan dengan baik (Ashley Quarcoo, 2020).

Melihat kepada senario PRN di Sabah, Melaka dan juga Sarawak baru-baru ini, beberapa langkah yang perlu telah diambil oleh SPR dan pihak yang berwajib bagi memastikan legitimasi demokrasi terus dapat dipertahankan dengan baik dan tidak sewenang-wenangnya dicabuli oleh mana-mana pihak. Jumlah peratusan undi yang keluar dalam keempat-empat PRN yang berlangsung di Sabah, Melaka dan Sarawak mencatatkan jumlah sebanyak 66.61 peratus di Sabah, 66.85 peratus di Melaka, 60.67 peratus keluar mengundi di Sarawak manakala di Johor hanya 54.92% sahaja. Ia tersasar dengan jangkaan peratusan keluar mengundi yang di letakkan oleh SPR iaitu sebanyak 70% pada keempat-empat PRN tersebut. Walaupun secara dasarnya angka ini boleh dianggap baik kerana ia diadakan semasa pandemik COVID-19 masih lagi belum tamat dan terus mengancam kesihatan individu.

Di Jepun peratusan keluar mengundi hanya mencatatkan sebanyak 55.93 peratus pada pilihan raya dewan adalah rendah pada tahun 2021 (Nippon.com, 2021), yang menyaksikan jumlah pengundi yang membuang undi agak baik di Malaysia. Manakala di Korea Selatan jumlah peratusan keluar mengundi bagi dua hari pengundian awal tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 10% kepada 36.93 berbanding jumlah pengundian awal pada tahun 2020 (Jin Yu Yong, 2022). Begitu juga yang berlaku di negara Amerika Latin dan Caribbean di mana 14 pilihan raya dilangsungkan semasa pandemik, tujuh negara menunjukkan peningkatan manakala tujuh lagi menunjukkan penurunan. Namun jika diamati dengan lebih teliti peratusan penurunan adalah lebih besar berbanding peratusan yang menaik (López-Calva, 2021).

Scenario yang berlaku di negara-negara sebagaimana yang di atas, pihak SPR harus memainkan peranan serta melakukan perubahan untuk menarik lebih ramai rakyat untuk keluar mengundi pada PRN Johor kali ini. Sebagaimana kata Abraham Lincoln dalam ucapan beliau satu ketika dulu, “Demokrasi adalah kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat”. Frasa ini menjelaskan peranan rakyat adalah besar khususnya dalam pemilihan di dalam pilihan raya. Demokrasi ialah sistem berasaskan kepada pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat yang layak mengundi. Semakin tinggi jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab, semakin jelas sokongan terhadap barisan pemimpin yang dipilih (Aziz, 2018). Ini sangat penting dalam mendapatkan mandat yang jelas serta boleh menyumbang kepada kestabilan kerajaan yang lebih baik. Ini dapat dibuktikan dengan ketidakstabilan kerajaan yang membentuk kerajaan pasca 2018. Perkara yang sama juga telah berlaku di Pakistan yang menyaksikan ketidakstabilan kerajaan kerana peratus membuang undi yang rendah serta wujud perpecahan dalam kalangan elit politik sendiri.

Berdasarkan kepada PRN Sabah, Melaka, Sarawak dan Johor yang lalu pesakit COVID-19 tidak dibenarkan mengundi. Walaupun terdapat desakan dari NGO seperti Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) agar setiap pesakit yang dijangkiti COVID-19 dan individu yang berstatus dalam siasatan (PUI) dibenarkan untuk mengundi perlu diberikan perhatian oleh SPR. Perkara ini telah menjadi topik perbincangan yang menarik, kerana ia melibatkan persoalan hak mengundi, amalan demokrasi dan kepentingan

keselamatan kesihatan dan negara. Mekanisme yang baik dan komprehensif harus difikirkan oleh SPR agar setiap rakyat di dalam negara ini yang berumur 18 tahun boleh mengundi seperti yang berlaku di Korea Selatan. Korea Selatan telah membenarkan pesakit COVID-19 dibenarkan untuk mengundi lewat pada hari pengundian iaitu selepas jam 5 petang sehingga jam 6 petang (Jin Yu Yong, 2022).

Antara kaedah lain yang boleh difikirkan adalah dengan kaedah undi pos yang mana rakyat tidak perlu bersesak dan risau untuk keluar mengundi malah pengundi yang dijangkiti COVID-19 juga boleh melakukan tanggungjawab mereka seterusnya akan lebih ramai rakyat terlibat dalam proses demokrasi ini (Israr Khalid, 2022). Namun begitu, cadangan ini perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana ia boleh melibatkan soal undang-undang, ekonomi, dan juga politik semasa.

Bagi isu kondisi berkempen pula terdapat sedikit kelonggaran yang dibenarkan oleh pihak SPR kepada semua calon-calon yang bertanding pada kali ini. Rajah 1 adalah merupakan aktiviti dan protokol yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang kempen PRN Johor bermula 26 Februari sehingga 11 Mac 2022.

AKTIVITI DAN PROTOKOL (PRN JOHOR 2022)

Rajah 1 Aktiviti dan Protokol yang Dibenarkan oleh KKM Sepanjang Kempen PRN Johor

| | |
|----------------------------|--|
| Ceramah/ Kempen / Syarahan | Penganjuran ceramah/kempen/syarahan secara fizikal adalah tidak dibenarkan. |
| | Hanya dibenarkan diadakan di pejabat parti dan bilik gerakan parti yang rasmi. |
| | Jumlah kehadiran tidak melebihi 100 orang. |
| | Perlu mendapat permit dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). |

| | |
|--|--|
| | Hanya dibenarkan selama 2 jam dan tidak melebihi sehingga jam 10 malam. |
| | Ceramah di tempat terbuka tidak dibenarkan |
| | Sebarang bentuk hiburan semasa berkempen tidak dibenarkan. |
| Kempen ziarah rumah ke rumah | Adalah dibenarkan namun disertai tidak melebih lima orang |
| <i>Walkabout</i> | Adalah dibenarkan namun hanya boleh disertai seramai lima peserta ataupun kurang. |
| Pengedaran Risalah | Calon dan/atau jentera pilihan raya dibenarkan untuk mengedarkan risalah bagi tujuan berkempen di peti-peti surat penduduk sekitar dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter. Dihadkan tidak lebih daripada tiga orang untuk aktiviti pengedaran risalah. |
| | Pengedaran risalah kepada orang awam secara bersemuka adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh pilihan raya. |
| Kempen menggunakan Media Massa dan Media cetak | Calon digalakkan menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, WeChat, Snapchat, WhatsApp, Telegram dan lain-lain aplikasi sebagai alat untuk menyampaikan kempen. |
| | Calon perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi di dalam tempoh kempen selaras dengan “Norma Baharu” yang perlu diamalkan rentetan pandemic COVID- |

19.

| | |
|--|---|
| Kempen melalui pembesar suara | Calon dibenarkan berkempen melalui kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara pada waktu yang ditetapkan dalam permit. Kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara tidak dibenarkan berhenti di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah. |
| Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Parti) | Hanya satu bilik jawatankuasa dibenarkan untuk beroperasi dalam satu daerah mengundi. Had kapasiti bilik jawatankuasa adalah 50% daripada kapasiti ruang dan penjarakan fizikal. |
| Jentera pilihan raya bagi parti-parti politik / calon-calon pilihan raya | Semua yang terlibat dikehendaki menjalani ujian RTK Antigen kendiri setiap dua (2) hari sepanjang kempen pilihan raya berlangsung dengan kos ditanggung sendiri. Setiap keputusan ujian RTK Antigen kendiri (positif atau negatif) perlu dimuat naik dalam aplikasi My Sejahtera. Hanya yang mempunyai keputusan negatif dibenarkan terlibat dalam aktiviti sepanjang kempen pilihan raya. Bagi individu dengan keputusan positif, tidak dibenarkan terlibat dalam mana-mana aktiviti kempen pilihan raya dan mengikuti garis panduan sedia ada. |

Secara ringkas, SOP yang dikeluarkan oleh KKM dalam PRN Johor kali ini adalah lebih longgar berbanding PRN yang lepas. Walau bagaimanapun perlanggaran SOP semasa berkempen masih berlaku dan ini menunjukkan sikap sambil lewa oleh sesetengah petugas dan pengajur program semasa berkempen (Bernama, 2022). Kempen secara alam maya

seperti yang dipraktikkan sepenuhnya ketika PRN Melaka adalah merupakan strategi terbaik dalam norma baharu bagi mengekang wabak COVID-19 di samping dapat menarik perhatian golongan pengundi muda bawah 40 tahun (Nizah & Bakar, 2019). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), pengguna media sosial di Malaysia adalah sebanyak 28 juta ataupun hampir 86% dari populasi penduduk negara pada tahun 2021 (Roshezry et al., 2021). Ini secara tidak langsung menunjukkan media sosial adalah merupakan medium yang paling aktif diguna pakai oleh rakyat negara Malaysia (Berita Harian Online, 2021).

Manakala yang terakhir adalah merujuk kepada penglibatan pemerhati luar dan dari dalam yang terhad semasa pilihan raya dijalankan. Berdasarkan sejarah pilihan raya sejak 1955, Malaysia belum pernah menjemput pemantau antarabangsa dalam mana-mana PRU yang diadakan. Hanya pada tahun 1990, pasukan pemerhati antarabangsa iaitu daripada Commonwealth Observer Group (COG) yang merupakan sebuah kumpulan pemerhati yang dilantik oleh Sekretariat Komanwel (Commonwealth 1990) telah dijemput julung kalinya oleh Kerajaan Malaysia (Ismail & Mohd Noor, 2020). Menurut Bjornlund (2004), pemantau pilihan raya ditakrifkan sebagai kumpulan individu yang mempunyai autoriti untuk memerhati sesuatu proses pilihan raya dan boleh membuat intervensi di dalam proses tersebut sekiranya undang-undang ataupun prosedur dicabuli atau tidak dihiraukan oleh pihak-pihak berwajib.

Terdapat tiga kategori pemantau pilihan raya iaitu pertama pemantau antarabangsa, kedua merujuk kepada pemantau lokal ataupun domestik manakala yang terakhir adalah merujuk kepada penyelia antarabangsa (Bjornlund, 2004). Secara ringkas pemerhati pilihan raya adalah penting bagi membina kesahan pilihan raya selain dapat membina kepercayaan umum. Kepelbagaiannya latar belakang pemerhati akan dapat mewujudkan input yang lebih konstruktif dan seimbang serta neutral. Sebagaimana yang sering di diamalkan dalam negara-negara Eropah, kehadiran pemerhati luar dapat membina keyakinan pengundi dan seterusnya memastikan integriti proses pilihan raya itu terus subur secara demokrasi (Ashley Quarcoo, 2020). Walau bagaimanapun disebabkan pandemik COVID-19 yang menyerang sejak tahun 2020, ada beberapa negara terpaksa menunda pilihan raya mereka menyebabkan beberapa misi pemerhati luar terpaksa ditangguh. Namun apabila pilihan raya diteruskan, misi pemerhati ini terpaksa dikecilkkan

bilangannya atas kekangan daripada pandemik COVID-19 seperti yang berlaku di negara Republik Macedonia Utara (Ashley Quarcoo, 2020).

Oleh yang demikian beberapa cadangan seperti melantik ekspatriat yang bekerja di negara yang mengadakan pilihan raya, melakukan operasi pemerhatian secara visual dan juga mengadakan kerjasama dengan badan-badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam negara yang melakukan pilihan raya dengan menjadi mata-mata dan telinga bagi pihak pemerhati luar. Dengan kaedah yang dicadangkan ini, ianya akan dapat mengurangkan isu ketidakhadiran pemerhati sama ada dari luar dan juga dalam. Namun bagi negara Malaysia diharapkan isu pemerhati luar ini dapat diperbaiki pada masa akan datang, seterusnya akan membina keyakinan bukan sahaja di kalangan rakyat dalam negara ini malah juga pelabur-pelabur luar bahwasanya negara ini mengamalkan sistem demokrasi yang telus dan berintegriti.

KESIMPULAN

PRN Johor yang berlangsung baru-baru ini iaitu pada 12 Mac 2022 yang lalu adalah rentetan dari beberapa PRN yang berlangsung sebelum ini di Sabah dan Melaka. Walaupun pandemik COVID-19 belum menampakkan tanda-tanda pengakhiran dalam masa terdekat namun proses demokrasi perlu tetap dilakukan walaupun wujud pertembungan kepentingan di antara keperluan demokrasi serta tuntutan keselamatan diri. Walaupun terdapat beberapa kekangan semasa pilihan raya ini berlangsung namun prinsip pilihan raya demokrasi harus terus subur dan dijaga dengan baik. Cadangan penambahbaikan yang diulas dalam artikel ini boleh membantu pihak yang berwajib melihat kembali kekurangan yang ada dengan melakukan penambahbaikan dalam PRU 15 yang akan datang.

RUJUKAN

Abdul Rashid Moten, S. S. I. (2015). *Introduction to Political Science*. Cengage Learning.

Ashley Quarcoo. (2020). *Can Elections Be Credible During a Pandemic? - Carnegie Endowment for International Peace*.
<https://carnegieendowment.org/2020/07/29/can-elections-be-credible-during-pandemic-pub-82380>

Aziz, S. A. (2018). *Demokrasi, pilihan raya dan tanggungjawab warganegara*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/04/417961/demokrasi-pilihan-raya-dan-tanggungjawab-warganegara>

Berita Harian Online. (2021). *Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial*.
<https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>

Bernama. (2022). *BERNAMA - PRN Johor: JKNJ keluarkan 21 kompaun libat pelanggaran SOP ketika kempen*.
<https://www.bernama.com/bm/politik/news.php?id=2057631>

Bjornlund, E. C. (2004). *Beyond free and fair: Monitoring elections and building democracy*. (T. J. H. U. Press (ed.)).

Fareez Azman. (2022). *PRN Johor: SOP sudah dilonggarkan, kini tanggungjawab parti politik elak penularan* / Astro Awani.
<https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-johor-sop-sudah-dilonggarkan-kini-tanggungjawab-parti-politik-elak-penularan-347586>

Ismail, M. T., & Mohd Noor, N. (2020). Pemerhati Pilihan Raya Domestik di Malaysia: Kajian Kes Ahli Akademik Sebagai Pemerhati Pilihan Raya. *Kajian Malaysia*, 38(1), 115–139.
<https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.6>

Israr Khalid. (2022). *PRN Johor: Kaedah undi pos mampu reda kerisauan rakyat mengundi di kala pandemic.* Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-johor-kaedah-undi-pos-mampu-reda-kerisauan-rakyat-mengundi-di-kala-pandemik-348020>

Jin Yu Yong. (2022). *South Korea reports high turnout in early voting, but apologizes to coronavirus patients for a lack of preparation.* - The New York Times. <https://www.nytimes.com/2022/03/06/world/asia/south-korea-early-voting-covid.html>

López-Calva, L. F. (2021). *The Virus and the Votes: How is COVID-19 changing voter turnout in LAC?* <https://www.latinamerica.undp.org/content/rblac/en/home/presscenter/director-s-graph-for-thought/the-virus-and-the-votes--how-is-covid-19-changing-voter-turnout-.html>

Mohamed Farid Noh. (2022). *Sultan Johor perkenan bubar DUN Johor.* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/914471/sultan-johor-perkenan-bubar-dun-johor>

Mohd Azmir Mohd Nizah, & Afi Roshezry Abu Bakar. (2019). Demokrasi pilihanraya dan cakna perlembagaan: tajuk yang sama, topik yang berbeza. *E-Prosiding Seminar Tamadun, Etnik Dan Turath Islami (i-STET) 2019, December*, 39–43.

Nippon.com. (2021). *Japan's Election Turnout Third Lowest in Postwar Era.* Nippon.Com. <https://www.nippon.com/en/japan-data/h01156/>

Nizah, M. A. M. &, & Bakar, A. R. A. (2019). WhatsApp Election in Malaysia: Assessing the Impact of Instant Messaging on Malaysia's 14th General Election. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(3), 132–146. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i3/5643>

Rahmi Jumriati Jono. (2022). *Makin mencanak, 22,133 kes Covid-19 dicatat - Berita / Majoriti.* Majoriti.
<https://majoriti.com.my/berita/2022/02/15/menurun-sedikit-22133-kes-covid-19-dicatat>

Roshezry, A., Bakar, A., Azmir, M., Nizah, M., Tunku, U., Rahman, A., Sains, U., & Watan, E. (2021). Pengaruh Media Sosial Dalam Penyebaran Unsur Negatif Terhadap Elemen Anak Watan Dan Keselamatan: Satu Tinjauan Awal Pasca Pru 14. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 121–133.

Roskin, M., Cord, R. L., Medeiros, J. A., & Jones, W. S. (2017). *Political Science: An Introduction* (14th ed.). Pearson Education Limited.

Selangor Kini. (2022). *Lebih 99 peratus kategori 1 dan 2, jumlah jangkitan kembali ke paras lebih 22,000 kes - Selangorkini.* <https://selangorkini.my/2022/02/lebih-99-peratus-kategori-1-dan-2-jumlah-jangkitan-kembali-ke-paras-lebih-22000-kes/>